



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB
ADUN N15 TAMAN TEMPLER

OLEH:

NUR NABILA FARHANA BINTI KAMARRUDIN	2012903911
NORZAWANI BINTI ABD TALIB	2012319371

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB
ADUN N15 TAMAN TEMPLER**

OLEH:

NUR NABILA FARHANA BINTI KAMARRUDIN	2012903911
NORZAWANI BINTI ABD TALIB	2012319371

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB
ADUN N15 TAMAN TEMPLER

OLEH:

NUR NABILA FARHANA BINTI KAMARRUDIN	2012903911
NORZAWANI BINTI ABD TALIB	2012319371

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

ASSALAMUALAIKUM W.B.T.,

Syukur kehadiran ilahi kerana kami telah menyiapkan transkrip ini dengan penuh kesabaran dan cabaran yang telah kami lalui. Setinggi-tinggi penghargaan kami ucapkan kepada individu-individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Ada juga diantara sumber-sumber dan idea-idea yang kami ambil, dan kami tidak lampirkan disini, kami mohon maaf atas segala kesilapan yang kami lakukan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kami ucapkan kepada pensyarah Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR 605) iaitu Puan Nurul Annisa Binti Abdullah yang telah member ilmu ini kepada kami dan banyak bersabar dalam mengajar kami menjadi insan yang berpengetahuan. Kami telah belajar banyak pengetahuan dalam matapelajaran ini daripada beliau. Terima kasih juga kerana telah memberi tunjuk ajar kepada kami bagi menyiapkan kerja khusus ini.

Ucapan terima kasih juga ini ditujukan kepada rakan-rakan sekelas yang telah banyak member tunjuk ajar dan nasihat tentang cara-cara menyiapkan kerja kursus ini dengan betul. Dengan sokongan yang padu daripada mereka, kami dapat menyiapkan transkrip ini. Kami akan terus menghargai semua pertolongan dan sokongan yang telah mereka berikan kepada kami.

Akhir sekali, setinggi-tinggi penghargaan kepada keluarga kami diatas dorongan dan bantuan yang telah mereka berikan sepanjang kerja kursus ini dijalankan. Kami telah belajar banyak perkara bagi mempertingkatkan kemahiran komunikasi, mencari dan juga menganalisa maklumat seperti yang dikehendaki dalam kerja kursus ini.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

ABSTRAK

Transkrip Temuabual Bersama dengan Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib Tentang Pengalaman Beliau Sebelum dan Selepas Menjadi ADUN N15 Taman Templer

Abstrak: *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib mengenai pengalaman beliau sebagai ADUN N15 Taman Templer dan temubual ini dijalankan di pejabat beliau iaitu di Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Shah Alam pada hari Rabu 13 Mei 2015 pada jam 12.30 p.m. sehingga 1.30 p.m.. Beliau merupakan seorang ADUN N15 Taman Templer yang membantu rakyat dalam menyelesaikan masalah dan berjuang dalam parti PAS di dalam politik bagi memperjuangkan agama islam dan membawa rakyat. Transkrip ini menyentuh serba sedikit tentang latar belakang beliau dan pengalaman beliau sebelum dan selepas beliau menjadi ADUN. Beliau juga menceritakan tentang perjalan hidup beliau semasa di alam persekolahan dan setelah bekerja.*

Kata kunci: Y.B Tuan Zaidy Bin Abdul Talib, ADUN 15 Taman Templer.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
1.0 Penghargaan.....	i
2.0 Abstrak.....	iii
Isi Kandungan.....	iv
3.0 Biodata Tokoh.....	1
4.0 Pengenalan.....	4
5.0 Transkrip.....	7
6.0 Rujukan.....	48
Lampiran.....	50
Log Wawancara.....	51
Diari Kajian.....	55
Senarai soalan.....	61
Surat Perjanjian.....	65
Gambar.....	66
Indeks.....	70

JADUAL

Jadual 1 : Biodata Tokoh	2
Jadual 2: Log Wawancara.....	51
Jadual 3 : Diari Kajian	55

GAMBAR

Gambar 1 : Y. B. Tuan Zaidy	2
Gambar 2 : Selepas sesi temuramah bersama Y.B. Tuan Zaidy.....	66
Gambar 3 : Y.B. Tuan Zaidy berceramah di Taman Selayang Indah.....	67
Gambar 4 : Y.B.Tuan Zaidy bersama Amal selayang	67
Gambar 5 : Y.B. Tuan Zaidy menyampaikan sumbangan bot dan enjin kepada nelayan .	68
Gambar 6 : Y.B. Tuan Zaidy serah bantuan bekalan hasil padi Sg. Burong	68
Gambar 7 : Y.B. Tuan Zaidy ketika melawat pasar selayang.....	69

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Gambar 1 : Y. B. Tuan Zaidy

Jadual 1 : Biodata Tokoh

Nama:	Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib
Umur:	43 tahun
Tarikh lahir:	27 Februari 1972
Tempat lahir:	Kampung Pondok Lati Pasir Mas, Kelantan
Tempat tinggal:	Bandar Tasik Puteri Rawang
Bilangan adik beradik:	7 orang
Anak yang ke:	Anak sulung
Nama ibu:	Shakiriah Binti Yaakob
Nama bapa:	Haji Abdul Talib Bin Che Harun
Status:	Sudah berkahwin
Nama Isteri:	Kasmawati Binti Haron

Bilangan anak:	6 orang
Nama Anak:	<ol style="list-style-type: none"> 1) Amir Aiman 2) Amir Fahmi 3) Asmad Hanani 4) Amir Ashraf 5) Hijratul Husna 6) Hanan Hafizah
Pendidikan:	<ol style="list-style-type: none"> 1) Sekolah Kebangsaan Kubor Datu. 2) Sekolah Menengah Kebangsaan Bera Bandar 32 3) Sekolah Menengah Kebangsaan Mengkarak 4) Sekolah Menengah Kebangsaan Temerloh 5) Universiti Malaya 6) Diploma Tasawur Islam, ILHAM
Pengalaman Kerja:	<ol style="list-style-type: none"> 1) L&G Twintech 2) Integrated Technologies and System Sdn. Bhd. 3) Dunia Perwira Marketing Sdn. Bhd. 4) Al-Jaroom Resources Sdn. Bhd. 5) Al-Jaroom Training and Consultancy Sdn. Bhd. 6) Mantop Training Consultancy Sdn. Bhd.
Jawatan:	ADUN N15 Taman Templer dan Exco Kerajaan Negeri Selangor
Blog:	www.zaidyabdulalib.com

PENGENALAN

PENGENALAN

Pada 13 Mei 2015 yang lalu, kami telah menemuramah ADUN Taman Templer di Shah Alam, Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib bagi tujuan menjalankan projek akhir untuk subjek dokumentasi lisan atau dikenali sebagai '*Oral Documentation*'. Sesi temuramah ini telah dijalankan di ruang pejabat beliau di tingkat 15 bangunan SSAAS pada pukul dua belas setengah tengahari.

Tujuan temuramah kami ialah untuk mengumpul lebih maklumat tentang pengalaman-pengalaman tokoh yang telah kami temuramah. Selain itu, kami juga mengumpul maklumat tentang cerita-cerita bagaimana Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib boleh terlibat di dalam politik sehingga dilantik menjadi ADUN. Beliau sememangnya berasal dari negeri Kelantan iaitu Kampung Haji, Pasir Mas dan kini telah menetap di Rawang Selangor.

Wakil rakyat adalah seorang yang dipilih dalam pilihan raya untuk menjadi wakil penduduk di kawasan pilihan rayanya. Mereka mempunyai tanggungjawab yang penting iaitu untuk menyuarakan masalah masyarakat di kawasan yang mereka wakili serta berperanan dalam penggubalan undang-undang.

Seorang wakil rakyat mungkin seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) atau Ahli Parlimen. Wakil rakyat menjadi jurucakap rakyat yang diwakilinya dan beliau mempunyai satu kerusi di Dewan Undangan Negeri atau di Dewan Rakyat (di Parlimen).

Gelaran bagi seseorang wakil rakyat ialah Yang Berhormat atau "YB", yakni sama seperti senator juga. Suatu ketika dahulu terdapat kecenderungan untuk menterjemahkan maksud YB daripada Yang Berhormat kepada Yang Berkhidmat. Namun setakat mana kejayaan usaha tersebut tidak dapat dipastikan.

Pada Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12, sebanyak 222 kerusi Parlimen dan 505 kerusi Dewan Undangan Negeri dipertandingkan di seluruh negara tidak termasuk Sarawak yang mengadakan pilihan raya kerajaan negerinya secara berasingan. Hal ini bermakna selepas keputusan pilihan raya tersebut diketahui, Malaysia akan mempunyai 727 orang wakil rakyat baru tidak termasuk Sarawak yang mempunyai 71 kerusi dewan undangan negeri.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Berikut adalah sesi temuramah bersama Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib di ruang pejabat beliau di tingkat 15 bangunan Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah (SSAAS) pada tiga belas[13] haribulan Mei tahun dua ribu lima belas[2015] jam dua belas[12] setengah tengahari. Sesi temuramah ini mengambil masa sekurang-kurangnya satu[1] jam. Y.B Tuan Zaidy Abdul Talib adalah seorang ADUN Taman Templer dan banyak membantu rakyat tentang masalah yang dihadapi oleh mereka terutama di lokasi Taman Templer. Objektif temuramah ini berkisar tentang pengalaman beliau.

Petunjuk:

NN: Nur Nabila Farhana Binti Kamarrudin

NZ: Norzawani Binti Abd. Talib

YB: Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib

ORAL

NZ : Assalamualaikum YB, saya Norzawani Abd. Talib dan ini kawan saya Nur Nabila Farhana. Kami dari UiTM Machang *nak* [hendak] *interview* [temuduga] YB mengenai latar belakang YB dan kejayaan YB. *Okay* [baiklah], macam *tu* [itu] kami *start* [mula] dengan soalan pertama dulu.

NN : Mula-mula sekali saya *nak* [hendak] tahu nama penuh YB mengikut kad pengenalan?

YB : *Okay* [baiklah], pertamanya terima kasih kerana memilih saya lah bagi projek. Teknologi MARA Kelantan kan? *Okay* [baiklah], nama penuh Zaidy Bin Abdul Talib. Abdul Talib, Z-A-I-D-Y Bin Abdul Talib.

NN : Nama panggilan yang biasa orang panggil YB?

YB : *Okay* [baiklah], kebanyakannya orang akan panggil Zaidy lah, Zaidy *je* [sahaja]. Kalau ahli keluarga *tu* [itu] lebih kepada sebab saya orang Kelantan, panggil Abedy Abedy. Dalam rakan-rakan yang sahabat-sahabat mungkin lagi muda *tu* [itu] panggil Abedy lah. Kalangan orang yang dekat-dekat lah orang Kelantan juga.

NN : Bila dan di manakah YB dilahirkan?

YB : Dilahirkan di Kampung Pondok Lati Pasir Mas Kelantan. Pada *dua puluh tujuh* [27] haribulan *dua* [2] tahun *tujuh puluh dua* [72].

NN : Sekarang usia YB berapa tahun?

YB : *Tujuh dua* [72] maknanya? *Dua ribu lima belas* [2015] *empat tiga* [43].

NN : Sekarang YB kerja di sini tapi menetap di mana?

YB : Saya sekarang menetap di Bandar Tasik Puteri, Rawang.

NN : Dimanakah YB dibesarkan?

YB : Saya dilahirkan di Kampung Pondok Lati Pasir Mas Kelantan, *lepas* [selepas itu] saya mulakan alam persekolahan -- sekolah rendah di Kampung Kubor Datu Jeli Kelantan kemudian masa darjah *tiga* [3], saya berpindah ke Negeri Sembilan, kemudian darjah *empat* [4] ke Pahang. Kemudian, darjah *lima* [5] darjah *enam* [6] dan dari darjah *lima* [5] *tu* [itu], saya mula berpindah ke Felda Kumai Triang Pahang, (*bunyi suara latar orang bercakap*) dan disitulah saya dibesarkan sampailah masuk universiti.

NN : Apakah *profession* [pekerjaan] bapa YB?

YB : Nama Haji Abdul Talib Bin Che Harun, dan dia seorang peneroka felda. Kelapa sawit.

NN : Apakah nama penuh ibu dan pekerjaan ibu YB?

YB : Nama penuh ibu, Shakiriah Binti Yaakob dan dia suri rumah sepenuh masa, dan dia juga merupakan guru Al-Quran. Guru Al-Quran di Felda, ayah merupakan imam di masjid.

NN : Adakah ibu bapa YB masih hidup?

YB : Ya, masih hidup.

NN : Ibu bapa YB berasal dari mana?

YB : Ayah berasal dari Jeli Kelantan, emak berasal daripada Pasir Mas Kelantan.

NN : YB mempunyai berapa orang adik beradik?

YB : Saya mempunyai *tujuh* [7] orang adik beradik, dan saya anak yang pertama.

NN : Apakah pekerjaan adik beradik YB?

YB : Adik beradik, saya yang pertama yang nombor *dua* [2] bisnes kerja sendiri gerai makanan. *Lepastu* [selepas itu], nombor *tiga* [3] kerja di sebuah kilang dan nombor *empat* [4] kerja di sebagai tenaga pengajar di *ImBest*, yang *kelima* [5] sebagai tenaga pengajar ustazah di Sekolah Agama, yang ke *enam* [6] sebagai *engineer* [jurutera] jurutera di sebuah majlis daerah di Pahang, dan yang ke *tujuh* [7] sebagai ustazah di sebuah sekolah.

NN : Maknanya yang adik YB paling bongsu *tu* [itu] umur berapa?

YB : Yang paling bongsu saya syak, (*ketawa*) umurnya dalam *dua puluh tujuh* [27] macam *tu* [itu] lah.

NN : Adakah semua adik beradik YB sudah berkahwin?

YB : Semua *dah* [sudah] kahwin.

NN : Boleh YB *bagitahu* [beritahu] nama semua adik beradik?

YB : Oh, semua Bin Abdul Talib lah. Saya Zaidy, yang kedua Zainuri, yang ketiga Zaini, yang keempat Zaimili, yang kelima Zuliana, yang keenam Zairizal, yang ketujuh Hasanah.

NN : Adakah YB sudah berkahwin?

YB : Sudah berkahwin.

NN : Bilakah tarikh perkahwinan YB?

YB : Sudah berkahwin, tarikh perkahwinan pada *lima belas* [15] haribulan *dua* [2].
Lima belas [15] haribulan *dua* [2] *sembilan belas sembilan puluh enam* [1996].

NN : Apakah nama penuh isteri YB?

YB : Nama penuh isteri Kasmawati Binti Haron.

NN : Apakah pekerjaan isteri YB?

YB : Beliau adalah merupakan seorang guru.

NN : Bagaimana YB mengenali isteri YB?

YB : Saya mengenali sewaktu belajar di Universiti Malaya. Kita terlibat sama dalam.

NN : Selepas berkenalan, berapa lama YB mengambil masa untuk berkahwin?

YB : Kahwin *tu* [itu] mungkin lebih kurang dalam *satu* [1] tahun.

NZ : Isteri YB guru di sekolah mana?

YB : Di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Rawang. Mengajar geografi.

NN : Adakah YB mempunyai anak?

YB : Ya, saya mempunyai anak.

NN : Berapakah bilangan anak YB?

YB : Bilangan anak, *enam* [6] orang.

NN : Apakah nama dan umur anak YB?

YB : Yang nombor *satu* [1] Amir Aiman. *Okay* [baiklah], berumur *lapan belas* [18] tahun. Yang kedua Amir Fahmi berumur *enam belas* [16] tahun, yang ketiga

Asmad Hanani umur *empat belas* [14] tahun. Kemudian Amir Ashraf berumur *dua belas* [12] tahun, *sorry* [maaf] *tiga belas* [13] tahun. Kemudian Hijratul Husna berumur *tujuh* [7] tahun, dan Hanan Hafizah berumur *lima* [5] tahun.

NN : Maknanya anak YB *tiga* [3] lelaki *tiga* [3] perempuan lah?

YB : Ya.

NN : Maknanya *tak* [tidak] ada yang kerja lagi? [anak YB]

YB : Belum. Yang sulung baru lepasan SPM.

NN : Apakah hobi YB pada masa lapang?

YB : Masa lapang antaranya bersukan *jogging* [bersenam] ataupun main bola sepak dan juga membaca buku .

NN : YB ada *join* [menyertai] kelab ke untuk waktu lapang, contohnya sukan-sukan?

YB : Sukan, *takda* [tidak ada].

NN : Siapakah idola YB yang jadi panduan hidup?

YB : Panduan hidup? Kalau idola, Rasulullah la. Rasulullah s.a.w.

NN : Kenapa dia jadi idola?

YB : Sudah pasti lah sebab Rasulullah *ni* [ini] adalah merupakan Nabi kita kan? Jadi memang dia diutuskan untuk dijadikan sebagai contoh tauladan yang baik. Tapi dalam konteks yang terdekat *ni* [ini], saya suka menyebut antara diantara tokoh yang saya suka adalah Tuan Guru, Almarhum Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang.

NN : Apakah prinsip hidup YB?

YB : Prinsip hidup *tu* [itu] menunjukkan kenapa memilih *dua* [2] *tu* [itu] kan? [idola]. Sebab mereka *ni* [ini] mengorbankan hidup mereka untuk agama dan mereka juga berusaha sedaya mungkin, sedaya mampu sampai akhir hayat sebagaimana Tuan Guru Nik Aziz, untuk menyambung perjuangan Nabi s.a.w. Tidak kira apa mereka buat sekalipun dalam apa jua keadaan, mereka belajar ilmu, mereka cebur dalam bidang politik, mereka bekerjaya, mereka berjuang, semula *life* [kehidupan] itu adalah untuk mengikut sunah Nabi s.a.w. untuk agama Allah s.w.t. Jadi, prinsip tadi iaitu prinsip hidup memang kita *ni* [ini] hidup untuk mati. Jadi, macam nabi kata, sebaik-baik orang secerdik-cerdik orang itu adalah orang yang mengingati mati. Jadi apa yang kita buat pada hari ini semuanya fikir tentang jalan selepas dan sesudah kita mati nanti.

NN : Apakah kenangan manis yang pernah dialami YB? *Tak* [tidak] kisah samada masa muda-muda *dulu* [dahulu] ke?

YB : Kenangan manis antaranya adalah sewaktu belajar dulu di kampus Universiti Malaya dimana kita ni [ini] di *train* [ajar] sebagai kepimpinan dimana kita di diberikan latihan, diberikan kursus, diberikan peluang dan ruang untuk berkecimpung. Pernah diberikan jawatan sebagai Timbalan Presiden Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya, pernah bertanding dalam pilihanraya kampus, jadi pernah menjadi pembangkang di kampus. Jadi aktiviti-aktiviti di kampus itu merupakan *satu* [1] kenangan manis dalam hidup. Itu suatu pengalaman yang sangat bermakna.

NZ : Adakah sebab YB berkecimpung dalam menjadi presiden Timbalan Presiden Mahasiswa Islam yang membuatkan YB menjadi tertarik untuk terlibat dalam bidang ni iaitu dalam bidang politik?

YB : Pertamanya memang dari sudut saya asal dari Kelantan dari Pondok Lati di sebuah institusi pengajian secara tidak rasmi kan? Telah didedahkan dengan politik lah. Apa itu PAS, sebagaimana perjuangan PAS dan negara kita ditakbir oleh UMNO, Barisan Nasional sebagaimana UMNO Barisan Nasional sebagainya. Kemudian kita membesar dalam suasana jika, maknanya dekat dengan Islam sebagainya sampai masuk universiti. Masuk universiti *ni* [ini] secara lebih tersusun lah. Kita diasuh dididik tentang kefahaman, kita didedahkan dengan bacaan-bacaan buku-buku yang menceritakan tentang

pengorbanan-pengorbanan, tentang prinsip-prinsip perjuangan sebagainya, dan disitu kita diasuh bakat kepimpinan dengan menjadi Timbalan Presiden Majlis Perwakilan Pelajar kan? Dan daripada situlah kita *dah* [sudah] mula Nampak minat untuk berpolitik dengan *dah* [sudah] tahu *dah* [sudah] parti-parti mana kita *nak* [hendak] pilih sebagainya sebab saya keluar dari kampus saya terus bergiat.

NZ : Macam mana YB bergiat aktif selepas dari *U* [universiti] *tu* [itu]? Kita siapa orang yang membawa YB ke bidang *ni* [ini]? [politik]

YB : Masa dalam kampus pada tahun kita duduk di asrama tahun *satu* [1] tahun *dua* [2] *so* [jadi] tahun *tiga* [3] tahun *empat*[4] *tu* [itu] kita ada di luar kampus lah kan? Tapi saya masa *tu* [itu] menetap di Kelana Jaya. Di Kelana Jaya *student* [pelajar] di Kelana Jaya *tu* [itu] dekat dengan masjid. Jadi kita banyaklah mengikuti pengajian-pengajian di masjid *tu* [itu] dalam masa yang sama program-program di masjid pun kita turut serta dan aktiviti-aktiviti di situ pun kita bantu. Masa *tu* [itu] saya bermula sebagai unit amal, jaga *parking* [tempat letak kereta], kita basuh talam kan? Jadi di situlah kita berkecimpung sebagai ahli parti. Nak kata siapa yang bawa *tu* [itu] secara *official* [rasmi] *tu tak* [tidak] adalah. Kita sendiri dari kampus *dah* [sudah] minat, kemudian kita berkecimpung sebagaimana kita berada di luar kampus *tu* [itu], masa belajar kita turut serta dalam pelbagai aktiviti. *So* [jadi] daripada situ kita menjadi ahli biasa, menjadi ahli parti bawahan lah. Sebagai yang kata dari kerja amal kan?

Dari jaga *parking* [tempat letak kereta] sebagainya. Kemudian di situ juga saya diusrah kan? Diajar tentang peranan sebagai seorang parti Islam, sebagai Islam apa kita buat perbaiki diri, akhlak kita, perjuangan kita, prinsip kita sebagainya lah. Kemudian *lepas* [selepas itu], masa berada di kampus lagi kan? Di kampus, masih belajar tapi rumah *tu* [itu] rumah bujang lah. Kemudian saya berpindah di Sunway. *Okay* [baiklah], di Sunway tamat pengajian saya berada di Sunway. Saya duduk di Sunway *sembilan belas sembilan puluh tujuh* [1997]. *Sembilan belas sembilan puluh tujuh*[1997] *tu* [itu] maknanya saya *dah* [sudah] *grad* [graduasi] kan? *Sembilan puluh tujuh* [1997] saya ketika itu duduk di rumah bujang juga. Dalam *dua* [2] *tiga* [3] *empat* [4] orang lah. Di flat Sunway, flat PKNS Sunway *tu* [itu] saya mengajar di L&G Twintech di Jalan Klang Lama. Klang Lama sebagai seorang pensyarah dalam bidang *engineering* [kejuruteraan]. *Engineering* [kejuruteraan] *so* [jadi] saya mengajar di situ. Berulang alik daripada Sunway lah. Sunway naik motor, kemudian *sembilan puluh tujuh* [97] saya kahwin. Saya berkahwin, saya masih duduk di Sunway *tu* [itu] dan isteri mengajar di sekolah Sunway. Kemudian bila setahun *lepas* [selepas itu], saya berpindah di Puchong Intan. Puchong Intan saya menyewa di situ, dan di situ juga saya tubuhkan masa di Sunway *tu* [itu] saya terlibat sebagai AJK cawangan PAS cawangan Sunway lah, PAS cawangan Sunway. Kemudian terlibat dengan PAS Subang, sewaktu bekerja sebagai pensyarah di Twintech. Kemudian saya berpindah di Puchong saya tubuhkan penaja, pasukan penaja di cawangan Puchong Intan. Di Puchong Intan, dan masa *tu* [itu] tahun sehinggalah tahun *dua* [2] tahun *dua ribu* [2000]. Selepas

daripada Sunway *tu* [itu], saya bekerja di Twintech *tu* [itu] mungkin dalam tempoh setahun setengah macam *tu* [itu] kot, *lepas* [selepas itu] saya dipanggil oleh saya punya pensyarah seorang professor untuk bekerja di syarikat dia, di sebuah syarikat *Evionic*. *Evionic ni* [ini] sebuah syarikat yang *upgrade* [menaik taraf] enjin kapal terbang. Teknologi daripada *South Africa* [Afrika Selatan] jadi bekerja di sana. Bekerja di sana, kemudian oleh kerana dari sudut kekangan ekonomi pada ketika itu maka, syarikat itu terpaksa di tutupkan dan saya berpindah ke syarikat yang lain, dalam kurungan dalam *group* [kumpulan] yang sama, syarikat *IT* [Teknologi Maklumat]. Saya terlibat sebagai *marketing* [pemasaran], sebagai seorang pengurus memiliki sebuah syarikat IT. Sehingga pada tahun dua ribu dua [2002] *so*, [jadi] dua ribu dua [2002] saya keluar daripada syarikat *tu* [itu] dan saya buat bisnes sendiri. Ketika itu saya masih lagi berada di Puchong. Ketika di Puchong saya bisnes sendiri, saya buat syarikat IT [teknologi maklumat]. *IT* [teknologi maklumat] dalam *software development* [pembangunan perisian].

NN : Apakah nama syarikat YB?

YB : Nama syarikat *tu* [itu], kalau yang pertama *tu* [itu] sebuah syarikat *engineering* [kejuruteraan] tadi kan? Integrated Technologies and System Sdn. Bhd.. Kemudian saya berpindah di syarikat *IT* [teknologi maklumat] *tu* [itu], Dunia Perwira Marketing Sdn. Bhd. Kemudian saya tubuhkan syarikat saya sendiri, bernama Al-Jaroom A L J A R O O M Al-Jaroom Resources Sdn. Bhd. *Okay*

[baiklah], daripada situ saya mula buat sendiri lah dalam *software development* [pembangunan perisian]. Lebih fokus kepada *software* [perisian] aplikasi di hospital. Di hospital, antaranya ialah *Hospital Information System* [Sistem Maklumat Hospital] H I S. Saya buat kerja *tu* [itu], sampailah *dua ribu lapan* [2008]. *Dua ribu lapan* [2008] *tu* [itu] saya tukar *profession* [pekerjaan]. Masa *tu* [itu] saya *dah* [sudah] berpindah ke Bandar Tasik Puteri, Bandar Tasik Puteri.

NN : YB berpindah, adakah syarikat YB itu ada lagi?

YB : Saya *transfer* [pemindahan] lah kepada kawan. Saya buat syarikat baru. Bernama Al-Jaroom. Training and Consultancy Sdn. Bhd.. Training and Consultancy Sdn. Bhd., dan di situ kita mula buat *training* [latihan]. Buat *training* [latihan] modal-modal insan sebagainya. Kita juga pernah menjadi *consultant* [perunding] kepada kerajaan negeri. Ya, untuk program-program SPIES dan sebagainya. Kemudian pada tahun *dua ribu sepuluh* [2010], syarikat ini telah pun bergabung dengan sebuah syarikat lagi, Syarikat Mantop. Training mantop M A N T O P training sahaja, dan ditukar dua-dua nama syarikat ini ditukar kepada Mantop Training Consultancy Sdn. Bhd., bersama beberapa rakan antaranya Ustaz Zamri Zainuddin, kat *tv* [televisyen] kan? Balik mengaji *tu* [itu], kemudian beberapa rakan-rakan yang lain lah. *So* [jadi] saya teruskan dalam bisnes *tu* [itu] lah, sampai lah *dua ribu tiga belas* [2013]. *Dua ribu tiga belas* [2013] bila diminta untuk bertanding dalam pilihanraya,

maka saya telah *resign* [letak jawatan] pada semua syarikat. Semua syarikat dan saya fokus pada pilihanraya. Kemudian dalam politik mentadbir ini saya bermula dengan menjadi ahli majlis . Ahli majlis, Majlis Perbandaran Selayang. Kalau tidak silap saya, pada tahun *dua ribu sebelas* [2011] *dua ribu dua belas*[2012]. *Dua ribu sebelas* [2011] *dua ribu dua belas* [2012] menjadi ahli majlis, dan di beri kesempatan untuk kita jaga zon. Kita berinteraksi dengan berinteraksi dengan rakyat, dengan pihak Majlis Perbandaran, dengan agensi kerajaan lain. Di situlah kita belajar kan? Belajar macam mana untuk *handle* [menguruskan] mesyuarat, hadir mesyuarat sebagainya. Pada tahun *dua ribu tiga belas* [2013], saya diminta untuk pilihanraya umum yang ke *tiga belas* [13], untuk mewakili DUN Taman Templer. DUN Taman Templer dan *Alhamdulillah* diberikan kemenangan, mengalahkan calon BN Datuk Subahan Kamal. (*bunyi gelang loceng*) *Okay* [baiklah], dan seterusnya pada bulan *sepuluh* [10] *dua ribu empat belas* [2014], saya dilantik menjadi Exco kerajaan negeri Selangor, sampailah ke hari *ni* [ini]. Saya diberikan tanggungjawab untuk meneraju, memimpin jawatan sebagai pengerusi jawatankuasa tetap infrastruktur dan kemudahan awam, pembangunan modal insan, dan industri asas tani. Sehingga pada hari ini lah.

NZ : **Kira baru setahun jugak lah kan terlibat sebagai Exco?**

YB : Exco *tak* [tidak] sampai setahun lagi lah. *Bulan sepuluh* [10] baru cukup setahun.

- NN : Masa peringkat sekolah, pencapaian YB paling tertinggi?
- YB : *Okay* [baiklah], saya sekolah rendah tadi kan di Kelantan di Negeri Sembilan di Pahang, sampailah di Pahang. Sampailah di Pahang. Pada masa SPM, pada masa penilaian darjah *lima* [5] tu [itu] saya dapat 2A 2B 1C. Kemudian masuk SRP, SRP tu [itu] di felda juga lah di Sekolah Menengah Bera, Sekolah Menengah Bera Bandar *Tiga Puluh Dua* [32]. *Okay* [baiklah], masa tu saya SRP, saya dapat *lapan* [8] agregat *lapan* [8] dia panggil agregat kan? Agregat *lapan* [8] , kemudian sekolah menengah rendah saya bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Mengkarak. SPM saya dapat agregat *tujuh belas* [17]. Kemudian sambung pergi ke mengambil STPM Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia, saya bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Temerloh di Temerloh. Selepas STPM, saya masuk Universiti Malaya. Di Universiti Malaya saya *amek* [ambil] jurusan fizik. Anugerah-anugerah? Sewaktu sekolah rendah *tu* [itu] saya banyak berkecimpung dalam syarahan. Syarahan, dan masa saya darjah *enam* [6] saya dapat anugerah kira pelajar terbaik sekolah lah. *Okay* [baiklah], kemudian masa *kat* [dekat] SRP *tu* [itu], tingkatan *satu* [1] hingga tingkatan *tiga* [3] saya banyak main wakil sekolah dalam bola sepak dan juga syarahan dan juga pidato agama. Kemudian masa SPM *tu* [itu], saya jadi ketua murid Sekolah Menengah Kebangsaan Mengkarak dan menjadi olahragawan sekolah tersebut. Kemudian masuk STPM Sekolah Menengah Kebangsaan Temerloh, saya menjadi timbalan ketua murid asrama. (*bunyi meja*) Dipanggil apa *eh* [ye]? Ketua timbalan ketua Aspura lah. Aspura, kemudian *bila* [apabila] masuk Universiti Malaya, saya banyak terlibat dalam

sukan-sukan bola sepak dan pernah memenangi pertandingan bola sepak peringkat UM [Universiti Malaya] *tu* [itu] la, sebagai mewakili kolej ke *lapan* [8] kolej Kinabalu. Kemudian saya menjadi timbalan presiden, menjadi Majlis Perwakilan Pelajar dan di kolej ke *lapan* [8] saya *jadi* [menjadi] pengerusi jawatankuasa kerohanian . Kemudian saya punya pelajaran tidak berhenti di situ, saya terus sambung waktu saya jadi ahli majlis. Pada tahun *dua ribu sebelas* [2011] *dua ribu dua belas* [2012] *tu* [itu] saya sambung diploma tasawuf Islam di ILHAM. Di situ latihan kepimpinan dan kehadiran dakwah ILHAM diploma dan telah pun habis tamat pada tahun *dua ribu dua belas* [2012], saya baru saya selesai konvokesyen. Pada Majlis Konvokesyen pada hari ahad yang lepas. *Tu* [itu] diploma dan pada masa *tu* [itu] saya dapat anugerah presiden. Anugerah presiden, disampaikan sendiri oleh presiden PAS Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang, anugerah presiden *tu* [itu] di melihat kepada *empat* [4] faktor. Yang pertama kecemerlangan akademik, kecemerlangan dari sudut sumbangan pada masyarakat, kemudian kecemerlangan dari sudut aktiviti parti, dan kecemerlangan dari sudut keluarga. Dan sekarang *ni* [ini] saya masih lagi menyambung pelajaran, dalam bidang syariah ijazah pertama di Universiti Islam Negeri Sultan Syarif Kasim *Dua* [2] Pekanbaru Riau, Indonesia.

NN : YB belajar di Indonesia, maknanya ulang alik ke?

YB : Sebelum *ni* [ini] saya kena pergi sebulan dalam *tiga* [3] hingga *lima* [5] hari. Tapi sekarang *ni* [ini] dah selesai dah semua, tinggal lagi untuk saya tulis thesis.

NZ : Masa UM *tu* [itu] Universiti Malaya *tu* [itu], yang *tu* [itu] diploma ke ijazah?

YB : Ijazah, Fizik. Kalau kalau siap yang thesis *ni* [ini], saya ada *dua* [2] ijazah lah.

NN : Diploma yang baru *ni* [ini] kan?

YB : Baru *ni* [ini]. Yang *tu* [itu] lah. *So* [jadi], prinsip saya *ni* [ini] belajar, kita belajar sepanjang hayat. Selagi ada masa, bukannya bila ada masa, maknanya sentiasa belajar mengikut keadaan lah. Kalau kita sibuk belajar cara sibuk. Kalau ada banyak masa kita ada banyak masa *nak* [hendak] belajar, kalau kita kurang masa kurang lah masa untuk kita luangkan, untuk *nak* [hendak] sebagainya.

NZ : Keluarga YB menyokong lah YB sambung belajar?

YB : Mereka sangat menyokong sebab benda ini tidak memberi permasalahan apa-apa.

- NN : *So [jadi] ada tak [tidak] subjek yang tak [tidak] suka ke masa belajar?*
- YB : Dia saya yang saya ingat lah bila saya di sekolah menengah kan? SPM saya *ni [ini]* memang suka sebenarnya saya suka Sains dan Matematik. Sains dan Matematik, masa di SPM dulu saya kurang suka macam Sejarah, Geografi. Sejarah dan Geografi *je [sahaja] lah kot masa tu [itu]*. Sebab saya memang minat mata pelajaran Sains kan? Saya kurang suka macam Sejarah, Geografi, - - Sejarah dan Geografi lah kot masa *tu [itu]*. Sebab saya minat matapelajaran Sains kan? Tapi *still [masih]* lagi dapat lagi score [skor] lah bila belajar *ni [ini]* kita buat latih tubi, hafal kan? -- dapat jugak *score [skor]* cuma minat *tu [itu]* kurang lah. Dan Matematik pun sebenarnya masa dalam SPM *tu [itu]* pun sebenarnya *tak [tidak]* berapa bagus sebab kita *tak [tidak]* berapa minat kan *yelah [iyalah]* sebab kita bolehlah bagi alasan faktor guru kan kadang-kadang dia orang mengajar kan kita *tak [tidak]* minat kan. Tapi masuk STPM *tu [itu]* ambil lagi *Math [Matematik]* dan *alhamdulillah* lah kita boleh *score [skor]*. Masuk Universiti pun ambil *Math [Matematik]* lagi. Ambil *double Math [dua kali ganda Matematik]*, Fizik. Maksudnya *Math [Matematik]*, *Math [Matematik]* dalam *sepuluh [10]* matapelajaran, Fizik dalam *tujuh [7]* *so [jadi]* *still [masih]* lagi *Math [Matematik]*. Sebenarnya, kita minat tapi kadang-kadang dalam jangka masa kita belajar *tu [itu]* dan sebagainya *tu [itu]*, banyak faktor lain yang menyebabkan kita *tak [tidak]* *perform [skor]* dalam matapelajaran yang kita minat.

NN : Siapakah *teman* [kawan] yang paling YB ingat pada masa *tu* [itu], yang paling banyak tolong YB? Pada masa belajar dan masa sekarang?

YB : *Okay* [baiklah] kalau yang sekolah rendah *tu* [itu], seorang yang namanya Rossuhaimi. Rossuhaimi dan dia sekarang *ni* [ini] seorang doktor tapi sebab masa sekolah rendah *tu* [itu] dia *dah* [sudah] kita *dah* [sudah] berpisah kan? (*suara orang berbual di belakang*) Tapi yang kalau *nak* [hendak] keluar dari soalan, sebenarnya dalam banyak-banyak pengalaman, dalam pengalaman belajar *tu* [itu], guru mainkan peranan. Dan guru yang paling berikan kesan pada saya adalah *satu* [1] cikgu *ni* [ini] nama dia cikgu Rafi. Masa cikgu saya masa darjah *satu* [1], darjah *dua* [2], darjah *tiga* [3]. *Sorry* [maaf], darjah *satu* [1] dan darjah *dua* [2]. Herm, darjah *satu* [1], darjah *dua* [2], Orang Kedah dan sekarang *ni* [ini] pun masih *contact* [berhubung], sebab dia banyak memberikan di masa itu dia sebagai guru dan cikgu bujang kan, kita budak-budak lagi masa *tu* [itu] jadi dia banyak interaksi dengan kita, pergi *dok* [duduk] rumah dia, cerita tentang masa depan, tentang angan-angan, sebagainya kan jadi menyebabkan kita rasa seronoklah, seronok dan rasa termotivasi dengan dia dan sebagainya. Dan, *batch* [kumpulan] saya ketika itu pun banyak dan ramai yang berjaya walaupun sekolah *tu* [itu] sekolah Kampung Ulu *tau* [tahu] di Jeli kan, Kelantan. Jauh masa *tu* [itu] kena naik bot *nak* [hendak] pergi dan sebagainya. Naik bot, naik pajero, jalan tanah merah. Jadi, pedalaman lah. Tapi dengan bantuan guru yang memberikan motivasi *ni* [ini], dalam kelas saya *tu* [itu], saya rasa dalam lebih kurang *lima belas* [15] orang ke memang *graduate* [graduan] Universiti. Dan baru-baru *ni* [ini] lagi.

Ada orang telefon. Sebenarnya *dah* [sudah] lama *tak* [tidak] *contact* [menghubungi] dia, *dah* [sudah] lama berpisah. Kemudian *satu* [1] hari *tu* [itu], ada orang telefon orang Kedah *tak* [tidak] kenal siapa. Dia bagitahu suruh tengok *whatsup group* [kumpulan] dia kata. Tengok *SKKD* [Sekolah Kebangsaan Kubor Datu]. Masa tu *SKKD* [Sekolah Kebangsaan Kubor Datu] *tujuh puluh sembilan* [79] Maksudnya Sekolah Kebangsaan Kubu Datu *tujuh puluh sembilan* [79]. Saya *tak* [tidak] tahu siapa, bila saya buka *group* [kumpulan] *tu* [itu] saya baru tahulah rupanya yang *call* [telefon] saya tadi Cikgu Rafi. Dan masa *call* [telefon] tadi pun dia rakam perbualan tu [itu] dan dia post dalam *group* tu. (ketawa). Jadi *kat* [dekat] dalam *group* [kumpulan] *tu* [itu], jumpa balik semua yang darjah-darjah *satu* [1] yang masa sekolah-sekolah *dulu* [dahulu] yang mana darjah *satu* [1] dulu. Dan kita orang baru-baru *ni* [ini] pun masa tahun lepas kita buat *reunion* [perjumpaan semula] balik kampung, buat *reunion* [perjumpaan semula] bantu orang kampung yang susah kan. Cuma dia *tak* [tidak] dapat bersama-sama berkumpul balik. Sampailah hari *ni* [ini] kita masih dalam *group* [kumpulan] lah, *WhatsApp group* [kumpulan], *online* [melayari internet].

NN : Adakah dia masih menjadi guru lagi? Ataupun sudah pencen?

YB : Dia masih guru. Seingat tahun depan ke pencen. Belum pencen lagi. Belum lagi. Akan setahun *dua* [2] *ni* [ini] akan pencen.

NZ : **Dia masih mengajar sekolah yang sama?**

YB : Tak. Tak. Tak. Dia pun *dah* [sudah] pindah. *Dah* [sudah] pindah ke Kedah semua *dah* [sudah]. Iyalah, sebab saya pun dari darjah *satu* [1] kan? Takkan lah *duk* [duduk] *kat* [dekat] situ. Dia pun *dah* [sudah] pindah. *So* [jadi], itu sekolah. Kalau di sekolah rendah, sekolah menengah. Kemudian di sekolah STPM lah. Ada kawan seorang nama dia Azlan atau Kimi. Tapi sekadar kawan rapatlah. Kawan rapat. Dan sebenarnya pengalaman belajar paling mencabar sekali adalah sewaktu saya mengambil STPM. Pertamanya dalam kelas *ni* [ini] semua orang Cina melainkan ada saya dan *dua* [2] orang kawan *ni* [ini] *je* [sahaja] orang Melayu. Kemudian belajar *tu* [itu] memang susah. Belajar Sains apa *tu* [itu] Sains Stream kan? STPM Sains Stream. Kemudian *exam* [peperiksaan] *tu* [itu] pun dia kumpul *dua* [2] tahun kan? Macam SPM. SPM daripada tingkatan *empat* [4], *lima* [5] kan? Yang *ni* [ini] *enam* [6] rendah, *enam* [6] atas. Jadi maknanya memang dalam asrama *tupun* [itupun] Sains. Yang Sains saya *dua* [2] orang *jelah* [sahajalah]. *So* [jadi], baliklah. Saya belajar sendiri, belajar betul-betul. Mana kita rasa masa *tu* [itu] kita *dah* [sudah] belajar habis upaya *dah* [sudah]. Belajar betul-betul. *Tu* [itu] pun dapat result yang kira dalam kalangan kita orang Melayu cemerlang lah. Tapi *nak* [hendak] dibandingkan dengan Cina jauh lagi. Saya *still* [masih] lagi dapat 4B 1R, R *tu* [itu] pengajian Am. Yang lain *tu* [itu], Sains lain saya lulus lah. Saya dapat kepujian. Kemudian bila masuk kampus. Di Kampus *tu* [itu], banyaklah kenangan-kenangan manis bersama rakan-rakan memang banyaklah. Cuma masa di Kampus *tu* [itu], pertama kita sebagai pemimpin pelajar, kedua kita

juga sebagai Sains mengambil matapelajaran yang susah yang memerlukan komitmen. Dan akhirnya, saya berjaya juga menjadi antara pelajar yang terbaik. Antara *tujuh* [7] pelajar terbaik. Dalam Fizik, saya dapat *second class upper* [kelas dua atas]. Dalam Fizik ketika itu ramai yang *tak* [tidak] lulus, ramai yang ponteng kelas tapi saya dapat *second class upper* [kelas dua atas]. *Tu* [itu] *satu* [1] benda yang baik lah. Dan bila orang tanya apa faktornya, dalam keadaan kita sibuk menjadi timbalan presiden dan sebagainya macam di Kampus UM ketika itu kita belajar awal tahun dan kemudian kita *tak* [tidak] kisah kelas ada ka *takdak* [tidak ada] kelas ka, tutorial *tak* [tidak ada] tutorial ka hujung tahun *exam* [peperiksaan]. *Takdak* [tidak ada] sistem semester ke apa. Jadi maknanya kita bebas dari awal tahun, kita bebas buat apa pun, hujung tahun baru kita exam. Jadi dengan sistem ini, ramai yang *failed* [tidak lulus] sebab yang pertamanya banyak *nak* [hendak] kena belajar, yang kedua kita bebas *taknak* [tidak hendak] belajar pun *tak* [tidak] apa. Jadi, antara kelebihan yang saya boleh tengok balik, saya berkawan dengan ramai orang, walaupun dalam UM *ni* [ini] ramai yang akademik Islam. Yang kalau kita ikutkan cara mereka belajar, dia orang dah memang *terer* [hebat] sebab dia orang dari NilamPuri. Dia orang *ni* [ini] pandai bahasa Arab, dia orang *ni* [ini] memang budak pandai, *tak* [tidak] belajar pun *exam* [peperiksaan] tetap dapat *first class* [kelas pertama] jugak. Tapi kalau kita ikut cara dia, Sains dan Engineering *tak* [tidak] boleh ikut cara diorang. Jadi ramai yang terperangkap dengan cara *tu* [itu] jadi dia orang *failed* [tidak lulus]. Tapi saya *tak* [tidak] hanya bercampur dengan *satu* [1] puak sahaja, saya berkawan dengan orang Cina, orang India,

yang main bola dan sebagainya. Jadi, bila mana dekat dengan *exam* [peperiksaan], saya ada ramai kawan-kawan yang boleh bantu. Boleh belajar di rumahnya, boleh *follow* [ikut] dia belajar dan sebagainya. Dan akhirnya saya dapat *catch-up* [mengusai] pelajaran yang tertinggal itu dengan cepat. Dengan berkongsi dengan mereka yang pandai *ni* [ini], saya pun *follow* [ikut]. Walaupun akhirnya bila *exam* [peperiksaan], kita lebih dari orang lain jugak, lebih dari orang yang kita *follow* [ikut] *tu* [itu] sebab kita banyak berkongsi-kongsi dengan mereka. Jadi, itu yang berlaku lah. Kemudian, mana kata bila *exam* [peperiksaan] *tu* [itu] kita banyak ada kawan-kawan yang boleh *support* [sokong] kita dan itu yang menyebabkan kita dan dalam masa kampus *ni* [ini] lah di mana kita di luar pada masa kini membawa faktor kepada kejayaan kita pada masa kini dengan *skill* [kemahiran] yang kita ada, keberanian kita, PR [*public relation*] kita, cara kita berkomunikasi. Kebanyakannya kita dapat sewaktu kita berada dalam kampus. Maknanya kita bertemu dengan orang, *present paper* [bentangkan kertas kerja], macam *ni* [ini] hah *dua* [2] orang datang jumpa Exco walaupun kita nampak biasa *je* [sahaja] ataupun kita rasa takut awal-awal *tu* [itu] kan tapi sebenarnya itu *satu* [1] pengalaman dan akhirnya kita ada rasa keberanian dan *confident* [yakin] dengan diri kita. Lepas *ni* [ini] *nak* [hendak] jumpa menteri pun *tak* [tidak] ada masalah sebab *dah* [sudah] pernah menempuh. Dan pada zaman kampus itulah kita pernah jumpa menteri, pernah menyampaikan syarahan, pernah buat kertas kerja, pernah bentang kertas kerja, berjumpa dengan orang, pernah menghadapi masalah-masalah tertentu yang kita berjaya atasi. Semua *tu* [itu], termasuklah apa yang

dalam kampus *tu* [itu] merupakan gedung ilmu. Jadi kita banyaklah menghafaz al-quran, baca buku itu, baca buku ini, kita *discuss* [berbincang]. Jadi dalam situlah dan bila kita keluar kampus, kita merupakan *somebody* [seseorang]. Lepas *ni* [ini] kita jadi pensyarah pun, kita ada ketokohan di situ. Kalau duduk lama pun mungkin boleh jadi dekan dan sebagainya. Kalau kita masuk bidang politik pun kita boleh jadi pemimpin, jadi itu adalah merupakan hasil didikan, pengalaman kita, *tarbiah* sewaktu berada di kampus. Sebab tu pesanan kepada adik-adik kita, yang berada di kampus *tu* [itu], mestilah menggunakan sepenuhnya ruang-ruang yang ada di kampus *tu* [itu] untuk belajar banyak benda.

NN : YB dapat *tak* [tidak] pinjaman ataupun biasiswa pelajaran?

YB : Saya dapat pinjaman MARA. Dan oleh kerana dapat keputusan yang agak baik, maka saya *tak* [tidak] perlu bayar lah dan dikira biasiswa *seratus peratus* [100%].

NN : YB sekarang sudah menguasai berapa bahasa?

YB : *(Ketawa)* Saya boleh kata *dua* [2] bahasa sahaja kot. Bahasa Malaysia dan Bahasa English.

NN : **Bagaimana YB mendekati diri dengan rakyat sebelum dan selepas masuk bidang politik?**

YB : *Okay* [baiklah] masa tadi kan saya masuk ahli majlis, dan sebelum *tu* [itu] saya memang dalam parti. Saya cerita tadi kan saya pergi Sunway, saya tubuh penaja kan. Kemudian saya masuk dalam PEMUDA sewaktu saya di Parlimen Subang. Jadi saya menjadi Ketua Penerangan Parlimen Subang. Kemudian saya jadi Exco dan Pemuda PAS Negeri Selangor. Kemudian saya naik lagi menjadi Timbalan Pemuda PAS Negeri Selangor. Kemudian saya jadi Exco pemuda PAS Malaysia. Dalam masa yang sama saya Ketua Pemuda PAS Selayang. Kemudian saya jadi Yang Di Pertua PAS kawasan Selayang. Sekarang *ni* [ini] saya jadi Ketua Penerangan Badan Perhubungan PAS Negeri Selangor. *Current* [sekarang] jawatan saya sekarang Yang Di Pertua PAS kawasan Selayang kemudian Ketua Penerangan PAS Selangor. Jadi, sewaktu memegang jawatan dalam PAS tu, memang kita *dah* [sudah] ada aktiviti-aktiviti lah, berkecimpung dengan masyarakat dan sebagainya kan tapi bila dilantik sebagai ahli majlis, secara *formal* [rasmi] kita berjawatan, turun menyelesaikan masalah, kita berdialog, kita bawak masalah jumpa balik pihak berkuasa, kemudian bawak ke Kerajaan Negeri, mesyuarat dan sebagainya. Jadi, pengalaman dan juga aktiviti ketika itu dia nampaklah oleh rakyat bahawa kita banyak menyelesaikan masalah dan sebagainya. *So* [jadi] bila bertanding dalam pilihanraya *dua ribu tiga belas* [2013], mungkin atas kepercayaan itulah di berikan kemenangan dan di samping faktor-faktor lainlah. Jadi, selepas menjadi wakil rakyat, pada *dua ribu tiga belas* [2013]

jadi kita *nak* [hendak] *service* [berkhidmat] kepada rakyat. Jadi saya, dalam bertanding saya *dah* [sudah] cakap bahawa saya tidak meminta jawatan tapi saya sentiasa bersedia untuk dilantik dan diberikan jawatan. Jadi saya sentiasa bersedia carikan maklumat, carikan ilmu, *skill* [kemahiran] dan sebagainya. Kita *tak* [tidak] mintak, tapi kalau *dah* [sudah] dilantik kita sentiasa bersedia. Jadi, kita sebagai YB wakil rakyat kita *tak* [tidak] tunggu kita dicari oleh orang. Kita yang mencari mana orang susah, mana orang yang perlukan bantuan dan sebagainya. Bukan kita duduk kat pejabat tunggu orang datang cari kita. Jadi itu pendekatan sayalah. Dan sekarang *ni* [ini], saya suka juga dan pendekatan kita kena *routinize* [rutinkan]. Rutinkan. Macam contohnya setiap hari Jumaat, mesti kita bagi kuliah Jumaat dan juga bagi kutbah. Jadi orang tahu, kita setiap kali Jumaat mesti kita akan bagi kutbah *kat* [dekat] mana-mana.

NZ : Dekat mana YB memberikan kutbah-kutbah tersebut?

YB : Dekat kawasan adun kita lah. Taman Templer. Lepas *tu* [itu] kita bukak kaunter, dekat masjid kita kutbah *tu* [itu] kita bukak kaunter *kat* [dekat] luar. Kaunter orang datang, dia orang boleh adu masalah dan sebagainya.

NZ : Dengan cara itulah YB mendekati diri dengan rakyat?

YB : *Yes* [ya].

NN : Apakah antara masalah-masalah rakyat yang pernah YB selesaikan?

YB : Masalah biasa bagi diorang *ni* [ini] selalunya kebajikan lah. Mana dari segi kewangan, sakit, pening dan sebagainya. Masalah anak-anak *nak* [hendak] masuk universiti. Masalah bencana, musibah. Selain daripada masalah-masalah yang melibatkan pentadbiran contohnya isu tanah, isu tapak perniagaan, dan sebagainya dan juga isu *nak* [hendak] selesaikan masalah setempat. Seperti masalah banjir, masalah kita *nak* [hendak] buat pembangunan-pembangunan yang lain. Dari sudut macam keperluan semua segmen *market* [pasar] kita contohnya orang tua perlu kita buat apa. Orang muda *nak* [hendak] buat macam mana dan sebagainya.

NZ : Apa isu yang YB rasa paling mencabar?

YB : Sekarang *ni* [ini] kalau kata isu yang paling mencabar sebagai adun *tu* [itu] adalah masalah banjir. Sebab di dun Taman Templer *ni* [ini] perkampungan *tu* [itu] perkampungan yang lama *dah* [sudah]. Dekat *seratus* [100] tahun *dah* [sudah]. Jadi, perparitan dia pun kurang cantik, longkang-longkang pun ada yang separuh. Ada yang ada longkang, ada yang *tak* [tidak] ada longkang. Ada yang longkang *duk* [duduk] bawah rumah orang pun ada. Jadi melibatkan berlakunya banjir kilat. Bila hujan lebat *je* [sahaja], banjir. Jadi kita *nak* [hendak] selesai *tu* [itu] bukan perkara yang mudah.

NN : Setiap tahunkah perkara itu terjadi?

YB : (Anguk kepala).

NZ : Macam mana YB selesaikan masalah banjir tersebut?

YB : Sekarang *ni* [ini] pertama, kita *tak* [tidak] boleh selesaikan seorang. Kita kena cari banyak rakan-rakan, *partner* [pasangan] kita untuk fikir dan lepas *tu* [itu] kita akan bagi idea-idea *ni* [ini] berkongsi dengan agen-agen pelaksanalah. Seperti pihak berkuasa tempatan, pejabat daerah, dan sebagainya. Macam mana *nak* [hendak] selesaikan perkara-perkara sebeginilah. Kadang-kadang bila *tak* [tidak] dapat *tu* [itu], kita cuba lagi cari jalan macam mana cara untuk selesaikan.

NN : Saya pernah tengok YB bagi ceramah dekat *Youtube*, boleh saya tahu adakah YB sering bagi ceramah?

YB : Saya boleh dikatakan selalulah tapi tidaklah terlalu kerap disebabkan kesibukan waktu kan. Jadi kalau ada orang *nak* [hendak] panggil ceramah kita cuba tengoklah kalau mana dalam Selangor lah. Kalau di luar-luar *tu* [itu] jarang-jarang sangat lah tapi pernahlah atas jemputan. Sebab kita kata macam banyak sekarang *ni* [ini] ruang-ruang untuk kita bagi ceramah. Bagi penerangan *ni* [ini], terkongkong kan sebab kita ada *tv* [televisyen], kita ada

radio dan sebagainya. Akhbar kita terhad. Jadi, ruang ceramah nilah yang kita boleh pergi terus pada lokasi dan kita menceritakan isu.

NN : Selalunya dekat mana YB menyampaikan ceramah? Dekat rumah anak yatim ke kawasan perumahan?

YB : Ceramah *ni* [ini] ada banyak jenis. Ceramah politik, selalunya ikut penganjur lah. Macam dekat apartmen, kat padang-padang, kawasan-kawasan lapang dan sebagainya kan. Kalau yang bersifat macam rumah anak yatim *tu* [itu], *tu* [itu] lebih kepada ceramah-ceramah penerangan tentang polisi kerajaan, program-program kerajaan, dialog dan sebagainya.

NZ : Jadi, dalam sebulan adalah YB peruntukkan masa untuk memberikan ceramah juga?

YB : Ya.

NN : YB ada laman sosial *tak* [tidak] untuk rakyat mengadu masalah mereka kepada YB ?

YB : Saya ada personal *facebook* saya, Zaidy Abdul Talib. *So* [jadi] ramai jugak yang hantar mesej *kat* [dekat] situ. Dan dalam masa yang sama saya ada *sign page* di peringkat adun, dekat pusat adun khidmat masyarakat Taman Templer.

Kemudian saya ada juga di pejabat Exco. Jadi, saya aktif yang *tiga* [3] *tu* [itu] lah.

NN : Apakah aktiviti YB yang terkini pada masa sekarang ?

YB : Terkini, terlibat dengan kerja-kerja Exco lah.

NN : Apakah contoh program yang YB terlibat ? Program perasmian?

YB : Sekarang *ni* [ini] banyak program-program yang saya buat portfolio *ni* [ini] besar kan. Dibawah *ni* [ini] ada banyak agensi. Jadi, maknanya banyak program-program yang kita nilah antaranya sebagai contoh, kalau esok saya merasmikan hari peladang di parlimen Kapar. Kemudian, semalam pemberian sumbangan kepada sekolah-sekolah. Kemudian, kalau di peringkat dun pada *tiga puluh* [30] hari bulan *ni*[ini] kita ada kuliah *dhuha*, program yang kita buat di padang di Selayang.

NZ : Boleh saya tahu bantuan yang YB sumbangkan kepada rakyat *tu* [itu], sumbangan daripada mana?

YB : Sumbangan *tu* [itu], kerajaan peruntukkan. Diberi pada YB, peruntukkan pada YB dan setiap *quotion* [bahagian] *tu* [itu] adalah untuk sumbangan.

NZ : Sepanjang YB menjadi Exco mahupun Ahli majlis, apakah anugerah-anugerah yang kerajaan berikan kepada YB?

YB : Setakat *ni* [ini], tidak ada anugerah yang diadakan untuk adun mahupun ahli majlis ataupun Exco. Tidak adalah. Cuma, sewaktu menjadi ahli majlis, saya berhenti dan jadi Exco jadi adun kan jadi mereka bagilah anugerah sebagai ahli majlis yang telah pun berjasa kepada majlis kan.

NN : Apakah kecenderungan program yang YB terlibat untuk perasmian? Contohnya seperti keusahawanan?

YB : Untuk merasmikan dipanggil program MES. Program Merakyatkan Ekonomi Selangor. *Okay* [baiklah] setiap minggu, kita ada satu program Skim Mesra Usia Emas. *So* [jadi], rakyat negeri Selangor yang berumur *enam puluh* [60] tahun ke atas, dia boleh mencarum, boleh mendaftar sebagai dalam Skim Mesra Usia Emas, SMUE *ni* [ini] dan dia layak sekiranya berlaku apa-apa pada dia, waris dia yang dapat menuntut *dua ribu lima ratus* [RM2500]. *So* [jadi] setiap minggu adalah orang-orang, waris yang akan datang menuntut lah. Dalam lebih kurang *sepuluh* [10] orang, kita akan buat pembayaran lah.

NN : Dimanakah borang pendaftaran skim itu boleh didapati ?

YB : Borang *tu* [itu] dia boleh ambil dekat pejabat adun. *So* [jadi], MES *ni* [ini] Ekonomi Selangor dia ada *tujuh belas* [17] program. *So* [jadi] antara program

yang *famous* [popular] nya Program Mesra Usia Emas, Program TAWAS Tabung Anak Wawasan. Bila ada orang baru lahir kan, dia daftar, *so* [jadi] dia akan dicarumkan oleh Kerajaan Negeri sebanyak *seratus* [100] ringgit setahun. *So* [jadi] pada umur *lapan belas* [18] tahun nanti, dia akan dapat keluarkan *seribu lima ratus* [RM1500] ringgit. Kemudian, program Tuisyen Rakyat Percuma, untuk pelajar-pelajar SPM, Kerajaan Negeri bagi setiap *dun* *seratus* [100] orang. Yang boleh menikmati tuisyen secara percuma. Kemudian, bila dia orang masuk universiti ada hadiah masuk universiti kita bagi sumbangan jugak. Kalau macam tuisyen rakyat percuma tadi kita akan pergi pada *satu* [1] pusat tuisyen ke *satu* [1] pusat tuisyen yang kita anjurkan lah. Kita akan tengok dan pantau. Lepas *tu* [itu] kalau, yang masuk universiti bagi hadiah masuk universiti *satu ribu* [1000] ringgit. Lepas masuk universiti dia orang keluar universiti *nak* [hendak] buat apa?

NZ : Cari kerja?

YB : Bukan kahwin dulu ke? (*ketawa*) Jadi untuk program *tu* [itu] kita hadiah untuk hadiah perkahwinan. *Lima ratus* [RM500] untuk perempuan, *lima ratus* [RM500] untuk lelaki. Jadi *satu ribu* [1000] ringgit.

NZ : Kalau dia orang Selangor lah? Dua-dua kena orang Selangor ke macam mana?

YB : Siapa yang Selangor lah. Siapa yang bermaustatin lama kat Selangor. Kalau bukan Selangor pun, cari penghulu ataupun ketua kampung yang *sign* mengesahkan dia duduk Selangor. *So* [jadi] dapatlah hadiah *lima ratus* [RM500] setiap seorang. Kemudian bila dia *dah* [sudah] berkahwin, kemudian dia *nak* [hendak] berniaga ke apa, kita ada skim Hijrah namanya. *So* [jadi] kita bagi dia bantuan pinjaman pada merekalah.

NN : Untuk bantuan anak muda yang samalah?

YB : Ya.samalah. Itu semua untuk anak muda lah *tu* [itu].

NZ : Macam mana rakyat *nak* [hendak] tahu pasal skim-skim semua *ni* [ini]?

YB : Sekarang *ni* [ini] dalam banyak setiap minggu kita ada *Selangor Kini* [nama suratkhobar], akhbar Selangor kan? Semua orang dapat lihat kat situ. Yang keduanya melalui Internet dan media-media massa yang lain lah. Yang paling mudah sekali pergi pejabat adun. Dia tahu semua kat situ.

NN : **Pejabat adun yang kat Batu Caves kah?**

YB : *Tak* [tidak] lah. Maknanya setiap adun lah. *Tak* [tidak] kisah lah yang mana-mana. Kalau saya di Selayang Segar.

NN : **YB, tadi YB ada mengatakan program berkaitan akhbar Sinar kan? Yang itu berkaitan program apa pula?**

YB : Oh, yang itu berkaitan ruangan *Mahasiswa Legend* [nama ruangan akhbar]. Bercerita tentang, samalah macam *ni* [ini] lebih kurang. Tapi dia lebih fokus tentang masa belajar Mahasiswa *tu* [itu] macam mana dan apa yang memberikan inspirasi kepada mahasiswa. Untuk kejayaan kita dan apa pesanan kepada mahasiswa macam itulah.

NN : **Apakah inspirasi YB untuk menarik minat warga muda untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti dan perniagaan?**

YB : Untuk belia, kalau macam saya sekarang *ni* [ini] kalau dekat Exco tengah *finalize* [membuat keputusan akhir] akan program usahawan agro muda. Kita *nak* [hendak] galakkan belia-belia kita, orang muda kita *ni* [ini] bertani.

NZ : **Baiklah. Itu dari segi asas tani lah kan? Macam mana pula dari segi keusahawanan? Berniaga ?**

YB : Berniaga itulah kalau kata kita ada permodenan pertanian dan industri asas tani. Asas tani *ni* [ini] siapa yang *nak* [hendak] berniaga bisnes yang berasaskan pada pertanian. Contohnya buat kerepek dan sebagainya, *so* [jadi] kita bantu. Kita ada *satu* [1] program yang mana kita tengah rangka dan belum ditetapkan nama lagi. Dan kita *nak* [hendak] bagi mereka *ni* [ini] promosi. Bagi mereka *ni* [ini] simkad *special* [istimewa] yang ada *application* [aplikasi] *kat* [dekat] situ untuk *promote* [promosi] produk mereka. Mereka boleh dapatkan tajaan dan bantuan-bantuan lainlah.

NZ : **Adakah YB suka dengan apa yang YB lakukan sekarang?**

YB : (*Berdehem*) Alhamdulillah. Setakat ini kita rasa seronoklah sebab antara bendanya saya memegang *tiga* [3] prinsip bahawa macam Nabi ada menyebut “Orang yang terbaik dikalangan kamu adalah orang yang paling banyak memberikan manfaat kepada orang lain”. Jadi, kita cari *profession* [pekerjaan] yang paling baik adalah *profession* [pekerjaan] yang bagi manfaat kepada orang. *Tak* [tidak] kisahlah apa *profession* [pekerjaan] sekalipun. Jadi sebagai YB *ni* [ini], kalau kita dapat bagi manfaat kepada orang lain dan orang dapat rasa manfaat *tu* [itu] kita rasa puaslah. Memberikan bantuan kepada orang susah, orang sakit, bantu orang *tu* [itu], bantu orang *ni* [ini], bantu anak-anak muda dan sebagainya. Jadi kita rasa seronok dengan apa yang kita buat.

Semasa kita kerja, bekerjaya, kita bantu orang dalam masa yang sama kita juga sedang membina ataupun menghasilkan pahala-pahalalah untuk kita.

NZ : Apakah agenda yang YB sediakan untuk generasi muda akan datang?

YB : Generasi muda sekarang *ni* [ini] pertama dari sudut pendidikan. Anak muda sekarang *ni* [ini] yang tengah belajar sekarang *ni* [ini] kita mintak supaya mereka *ni* [ini] memang belajar betul-betul. Kerajaan negeri ada banyak menyediakan infrastruktur, frasarana untuk belajar. Jadi Selangor kita ada UNISEL, Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS). Kita ada *dua* [2] buah universiti dan kita ada macam kolej-kolej yang *ni* [ini] kita bantu yang mana kita bagi biasiswa-biasiswa kerajaan negeri dan sebagainya. Kita mintak supaya diorang *ni* [ini] belajar, belajar betul-betul dan menguasai pelajaran dan dalam masa yang sama saya sebutkan tadi. Mereka juga akan di bekalkan dengan program-program supaya mereka *ni* [ini] menjadi pelajar yang baik dan dibekalkan dengan *skill* [kemahiran] yang betullah. Dan ini berkait dengan pembangunan modal insan yang disediakan oleh kerajaan negeri dan walaupun bukan bawah portfolio sayalah, bawah Kerajaan Negeri. Maknanya kita bagi diorang *ni* [ini] belajar cemerlang, ada biasiswa, kemudian ada dia punya *ni* [ini] program-program untuk membentuk sikap. *So* [jadi] lepas pada keluar *tu* [itu], kita juga akan menyediakan prasarana dan program untuk anak muda seperti sukan dan sebagainya. Sukan, hiburan dan juga pendidikan di luar yang secara *tak* [tidak] rasmi dan sebagainya. Contohnya, menggalakkan mereka *ni*

[ini] untuk berkecimpung dalam sosial komuniti. Seterusnya kita juga menyediakan juga ruang-ruang untuk kita bantu dari sudut kerjaya. Dari sudut kerjaya macam mana untuk mereka memperolehi, mendapatkan ruang yang mudah untuk kejayaan mereka dalam membina kerjayalah. Itu yang kita bantu dalam skim Hijrah tadi. Dan seterusnya untuk mereka berniaga dan sebagainya lah.

NZ : Apa pandangan YB tentang politik pada masa sekarang?

YB : Politik sekarang *ni* [ini], yalah kita dalam Pakatan Rakyat kita memperjuangkan politik yang bersih. Ataupun kita namakan sebagai politik nilai. Maksudnya kita memperjuangkan nilai itu sendiri. Maksudnya nilai baik, nilai keadilan, nilai berhemah, hormat menghormati, kasih sayang dan sebagainya. Jadi itu yang kita *promote* [promosi]. Walaupun kadang-kadang ada diluar sana *tu* [itu] yang lebih kepada memfitnah, membunuh karakter orang, dan mengadu domba. Itu politik yang berlaku sekarang tetapi kita dari masa ke semasa rakyat *dah* [sudah] semakin cerdik. Rakyat tengok siapa yang betul-betul boleh membantu rakyat dan membawakan politik nilai. Rakyat *dah* [sudah] *tak* [tidak] suka *dah* [sudah] orang-orang ahli politik yang mengadu domba, yang cuba menimbulkan keadaan yang tidak harmoni dan sebagainya. Jadi, kita ke arah itulah. Ke arah politik nilai.

NZ : Apakah harapan YB terhadap politik pada masa hadapan?

YB : Harapan saya seperti saya sebutkan tadi, supaya esok politik *ni* [ini] semua kita boleh berlumba-lumba untuk siapa yang lebih menjaga kepentingan rakyat. Dan bukannya berlumba-lumba untuk menjatuhkan sesama lain. Dan rakyatlah merupakan bos, tuan dalam sesebuah kerajaan demokrasi. *So* [jadi] pemimpin dan wakil rakyat *ni* [ini] hanya *lima* [5] tahun sekali. Itu kontrak yang rakyat bagi. *So* [jadi], umpama majikan bagi kepada pekerja. “*Okay* [baiklah] engkau, kerja *lima* [5] tahun sekali. *Lima* [5] tahun kontrak engkau. Tuan, bos, majikan adalah rakyat. Rakyat bagi mandat *lima* [5] tahun. Kau kena kerjalah betul-betul. Jadi kita buat yang terbaik.” Selepas habis *lima* [5] tahun, kita sebagai wakil rakyat merayu balik kepada majikan supaya lantiklah balik kita. Jadi ketika itu rakyat bebas *nak* [hendak] pilih siapa pun. Kita *tak* [tidak] paksa. Cuma rakyat akan tengoklah, Si A ke ataupun Si B *ni* [ini] yang bagus kerja. Yang boleh berikan manfaat kepada *stakeholder* [pihak berkepentingan] ataupun majikan tadi. *So* [jadi] bebaslah. Kita sebagai dalam tempoh *lima* [5] tahun *ni* [ini], kita bekerja lah bersungguh-sungguh supaya rakyat boleh tengok nilai dan rakyat akan bagi undi ataupun memilih kita lagi sebagai wakil rakyat.

NZ : Baiklah. Rasanya sampai sini sahajalah. Terima kasih YB kerana meluangkan masa dan memberikan kerjasama dalam sesi temubual ini.

YB : Sama-sama.

TAMAT

Demikianlah sesi temuramah diantara kami dengan Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib yang berakhir jam 1.30 petang. Semoga temuramah tersebut dapat memberi manfaat kepada kita semua generasi akan datang mengenai pengalaman beliau dalam bidang politik sebagai ADUN N15 Taman Templer. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib kerana sudi meluangkan masa dan berkongsi pengalaman hidup beliau bersama kami.

RUJUKAN

.

RUJUKAN

Kerajaan Negeri Selangor. (2013). *Ahli-ahli majlis mesyuarat kerajaan negeri Selangor Darul Ehsan*. Retrieved May 6, 2015, from Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan: <http://www.selangor.gov.my/index.php/pages/view/90>

Wartawan sinar harian. (2015, April 29). *Sinar harian online*. Retrieved May 1, 2015, from Hikmah berhemah dekati masyarakat: www.sinarharian.com.my/mobile/rencana/hikmah-berhemah-dekati-masyarakat-1.384846

Zaidy Abdul Talib. (2013). *Zaidy Abdul Talib*. Retrieved May 1, 2015, from Zaidy calon Taman Templer: www.zaidyabdultalib.com/?m=1

Zaidy Abdul Talib (2015, May 13). ADUN Taman Templer. *Temubual Peribadi*. Shah Alam.

LAMPIRAN

LAMPIRAN 1

LOG WAWANCARA

Kami telah menemubual Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib, yang dilahirkan pada 27 Februari 1972, di Kampung Pondok Lati Pasir Mas, Kelantan. Temubual dijalankan di di ruang pejabat beliau di tingkat 15 bangunan Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah (SSAAS), Shah Alam mengenai pengalaman beliau sebagai ADUN Taman Templer N15.

Jadual 2: Log Wawancara

MASA	SUBJEK	NAMA / TEMPAT / RUJUKAN
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG		
0.18	Latar belakang tokoh dan keluarga tokoh	<ol style="list-style-type: none"> 1. Zaidy Bin Abdul Talib 2. Kampung Pondok Lati Pasir Mas, Kelantan 3. Bandar Tasir Puteri, Rawang 4. Felda Kumai Triang, Pahang 5. Haji Abdul Talib Bin Che Harun 6. Shakiriah Binti Yaakob 7. Zainuri 8. Zaini 9. Zaimili 10. Zuliana 11. Zairizal 12. Hasanah 13. Kasmawati Binti Harun 14. Sekolah Berasrama Penuh

		<p>Integrasi, Rawang</p> <p>15. Amir Aiman</p> <p>16. Amir Fahmi</p> <p>17. Asmad Hanani</p> <p>18. Amir Ashraf</p> <p>19. Hijratul Husna</p> <p>20. Hanan Hafizah</p>
23.26	Latar belakang pendidikan tokoh sejak dari zaman persekolahan beliau sehinggalah ke university	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sekolah Menengah Kebangsaan Bera Bandar 32 2. Sekolah Menengah Kebangsaan Mengkarak 3. Sekolah Menengah Kebangsaan Temerloh 4. Universiti Malaya 5. ILHAM 6. Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang 7. Universiti Islam Negeri Sultan Syarif Kasim 2
BAHAGIAN 2: KERJAYA TOKOH		
11.40 min	Latar belakang kerjaya tokoh, pengalaman kerja sebelum dilantik menjadi Adun dan Exco.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Presiden Majlis Perwakilan Pelajar 2. Kelana Jaya 3. Sunway 4. PKNS 5. L&G Twintech 6. Puchong Intan

		<p>7. AJK PAS</p> <p>8. Evionic</p> <p>9. Integrated Technologies and System Sdn. Bhd.</p> <p>10. Dunia Perwira Marketing Sdn. Bhd.</p> <p>11. Al-Jaroom Resources Sdn. Bhd.</p> <p>12. <i>Hospital Information System</i></p> <p>13. Bandar Tasik Puteri, Rawang</p> <p>14. Al-Jaroom Training and Consultancy Sdn. Bhd.</p> <p>15. Program SPIES</p> <p>16. Mantop Training Consultancy Sdn. Bhd.</p> <p>17. Ustaz Zamri Zainuldin</p> <p>18. Ahli Majlis</p> <p>19. Majlis Perbandaran Selayang</p> <p>20. DUN Taman Templer</p> <p>21. BN</p> <p>22. Datuk Subahan Kamal</p> <p>23. Exco Kerajaan Negeri Selangor</p>
BAHAGIAN 3: PENGLIBATAN TOKOH		
56.00	Penglibatan tokoh dalam memberikan inspirasi kepada anak muda	<p>1. Mahasiswa Legend</p> <p>2. Program bertani</p> <p>3. Aplikasi simkad istimewa</p>

BAHAGIAN 4: PENDAPAT / HARAPAN TOKOH		
58.30	Perasaan tokoh dan harapan tokoh terhadap generasi muda dan politik pada masa akan datang	

LAMPIRAN 2

DIARI KAJIAN

Jadual 3 : Diari Kajian

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
10.00 Pagi	18 Mac 2015	Kami diberi tugas kerja kursus iaitu menemuramah seorang tokoh yang berjaya dan mempunyai banyak pengalaman dalam bidang yang beliau ceburi. Kami perlu memberi sekurang-kurangnya tiga nama tokoh untuk pensyarah memberikan persetujuan pemilihan tokoh untuk ditemubual.	Kami mula mencari beberapa orang tokoh untuk ditemuramah serta bagi menyiapkan kerja kursus ini.
12.00 Tengah Hari	19 Mac 2015	Pada mulanya kami mencari siapakah tokoh yang paling sesuai untuk ditemuramah bagi memenuhi kehendak yang telah di tetapkan oleh Puan Nurulannisa Binti Abdullah iaitu pensyarah kami dalam subjek pengdokumentasian sejarah lisan ini.	Kami memilih tiga nama tokoh yang kami rasa sesuai untuk ditemubual. Kami memilih Encik Hafiz Hashemi Johaini, usahawan muda yang Berjaya dalam bidang teknologi maklumat, Encik Mohd. Zalaludin Latipi, usahawan ikan kelisa dan Encik Mohd Zahid Mohd Zaki, pengasas Legacy Secret Sdn. Bhd. Kami memberikan senarai tiga nama tokoh ini kepada

			pensyarah kami untuk proses pemilihan.
10.00 Pagi	25 Mac 2015	Kami menerima persetujuan dari pensyarah kami untuk memilih mana-mana satu dari senarai nama yang kami telah berikan dan kami bercadang untuk memilih Encik Mohd Zalaludin Latipi sebagai tokoh pilihan kami. Pensyarah kami mahukan kami untuk mempersembahkan sebab-sebab kenapa kami memilih tokoh untuk ditemubual pada minggu hadapan. Kami mula mencari cara untuk menghubungi Encik Zalaludin.	Dukacitanya, kami tidak dapat nombor dan alternatif lain untuk menghubungi Encik Zalaludin kerana nombor yang tertera di Internet adalah nombor yang sudah tidak beliau gunakan lagi.
2.00 Petang	25 Mac 2015	Selepas gagal untuk percubaan calon tokoh yang pertama, kami mula mencari calon tokoh yang kedua dan ketiga untuk dihubungi.	Calon yang kedua kami iaitu Encik Hafiz juga malangnya tidak dapat dihubungi lantas kami mencuba menghubungi En Mohd Zahid dan percubaan kami berjaya.
10.00 Pagi	26 Mac 2015	Setelah Berjaya menghubungi Encik Mohd Zahid, kami mula mencari maklumat-maklumat mengenai beliau dan mula menyiapkan tugas untuk membuat <i>presentation</i> pada minggu hadapan.	Kami menghantar e-mail kepada Encik Mohd Zahid mengenai tujuan temuramah kami untuk kerja kursus ini.
11.00	1 April 2015	Kami diberitahu oleh pembantu Encik	Kami mula mencari

Pagi		Mohd. Zahid bahawa beliau tidak dapat meluangkan masa untuk ditemubual berikutan beliau terlalu sibuk dengan pada masa yang kami telah tetapkan.	calon tokoh yang lain untuk ditemubual dan kami telah bercadang untuk memilih Wan Noriah Bt Wan Ramli dan telah menghubungi beliau untuk persetujuan beliau ditemubual dan beliau telah memberikan persetujuan.
10.00 Pagi	2 April 2015	Kami bertemu pensyarah kami untuk mendapatkan persetujuan beliau untuk kami menemubual Wan Noriah Bt Wan Ramli.	Dukacitanya Wan Noriah Bt Wan Ramli sudah ditemubual oleh senior kami dan pensyarah kami meminta kami memilih tokoh lain untuk ditemubual.
11.00 Pagi	2 April 2015	Kami mencari calon tokoh yang lain dan kami kebetulan tertarik untuk menemubual adun dan mula mencari nama adun-adun yang sesuai untuk ditemubual.	Kami memilih Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari dan Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib untuk mendapatkan persetujuan pensyarah kami dahulu.
3.00 Petang	2 April 2015	Kami mendapat persetujuan pensyarah kami untuk menemubual salah seorang dari dua adun tersebut.	Kami memilih untuk menghubungi Y.B. Tuan Amirudin dan terus menetapkan tarikh dan masa untuk menemubual. Pembantu Y.B. Tuan

			Amirudin telah bersetuju dengan tarikh dan masa yang telah kami tetapkan. Dalam masa yang sama kami juga menghubungi Y.B. Zaidy sebagai sandaran.
10.00 Pagi	15 April 2015	Kami mula bersiap sedia dengan soalan-soalan untuk ditemubual dan menyemak dengan pensyarah kami kekurangan dan kelebihan jenis-jenis soalan yang telah kami sediakan.	Soalan-soalan yang disediakan mendapat persetujuan dari pensyarah kami.
10.00 Pagi	16 April 2015	Kami dihubungi oleh pembantu Y.B. Tuan Amirudin mengatakan Y.B. Tuan Amirudin meminta kami menghubungi tokoh lain untuk ditemubual berikutan beliau sibuk dan tidak boleh melayan temubual kami.	Kami membuat keputusan menghubungi semula pembantu Y.B. Zaidy dan bertanyakan persetujuan YB untuk ditemubual oleh kami. Kami bernasib baik kerana YB Zaidy boleh meluangkan masa untuk ditemubual kami. Kami memutuskan untuk ditemubual YB pada 29 April 2015.
9.00 Pagi	20 April 2015	Kami dihubungi oleh pembantu YB Zaidy untuk menukar tarikh temubual kami pada tarikh yang baru kerana YB tidak lapang pada tarikh 29 April 2015	Setelah berbincang, pihak kami dan pihak YB bersetuju dengan tarikh baru iaitu pada 13 Mei

		tersebut.	2015.
11.00 Pagi	13 Mei 2015	Kami bertolak dari Batu Caves pada pukul 11.00 pagi dan menuju ke Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang terletak di Shah Alam. Kami selamat tiba pada pukul 12.20 tengah hari, 10 minit awal dari masa yang telah ditetapkan.	Kami selamat sampai di tempat yang dituju iaitu Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di Bangunan Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah, Shah Alam dan menuju tingkat 15. Kami berjumpa dengan YB Zaidy. Kami meminta izin untuk terus menemuramah beliau. Selama satu jam sesi temubual kami.
9.00 Pagi	18 Mei 2015	Kami meneruskan kerja kursus kami ini dengan menyiapkan transkrip selepas menemuramah tokoh yang dipilih.	Transkrip kami belum siap sepenuhnya.
10.30 Pagi	27 Mei 2015	Proses menyiapkan transkrip diteruskan seperti biasa.	Kami mula merasakan kesulitan sepanjang menyiapkan transkrip ini.
12.00 Tengah Malam	12 June 2015	Kami meneruskan penyiapan transkrip ini dengan penuh kesabaran penghantaran.	Transkrip kami telah kami siapkan dengan jayanya.
10.00 Pagi	13 June 2015	Kami menyiapkan transkrip untuk yang terakhir sebelum proses penjilidan	Alhamdulillah, kami dapat menyiapkan

		dilakukan.	transkrip kami dan akan dihantar ke kedai untuk proses penjilidan.
11.00 Pagi	20 June 2015	Proses penjilidan sudah selesai.	Alhamdulillah kami telah hantar kerja kursus kami kepada pensyarah kami. Kami berasa bersyukur dan lega kerana dapat menyiapkan kerja kursus kami ini walaupun terdapat banyak cabaran dan dugaan yang kami hadapi.

LAMPIRAN 3

SENARAI SOALAN

1. Apakah nama penuh Haji Zaidy mengikut kad pengenalan?
2. Apakah nama panggilan yang biasa digunakan oleh ahli keluarga atau rakan-rakan Haji Zaidy?
3. Bila dan dimanakah Haji Zaidy dilahirkan?
4. Berapakah usia Haji Zaidy sekarang?
5. Dimanakah Haji Zaidy menetap sekarang?
6. Dimanakah Haji Zaidy dibesarkan. Negeri asal Haji Zaidy?
7. Apakah nama penuh bapa Haji Zaidy?
8. Apakah profesion bapa Haji Zaidy?
9. Apakah nama penuh ibu Haji Zaidy?
10. Apakah profesion ibu Haji Zaidy?
11. Adakah mereka masih hidup?
12. Mereka berasal dari mana?
13. Berapakah bilangan adik beradik Haji Zaidy?
14. Apakah pekerjaan mereka?
15. Haji Zaidy anak yang ke berapa?
16. Bolehkah Haji Zaidy memberitahu nama adik beradik Haji Zaidy mengikut urutan?
17. Adakah Haji Zaidy sudah berkahwin?
18. Bilakah tarikh perkahwinan Haji Zaidy?
19. Apakah nama penuh isteri Haji Zaidy?
20. Apakah pekerjaan isteri Haji Zaidy?
21. Bagaimanakah Haji Zaidy mengenali isteri Haji Zaidy?
22. Adakah Haji Zaidy mempunyai anak?
23. Berapakah bilangan anak Haji Zaidy?
24. Apakah nama anak Haji Zaidy dan umur mereka sekarang?
25. Apakah pekerjaan anak-anak Haji Zaidy?

26. Apakah hobi Haji Zaidy pada masa lapang?
27. Apakah aktiviti-aktiviti Haji Zaidy pada hujung minggu?
28. Siapakah idola Haji Zaidy yang menjadi panduan hidup Haji Zaidy?
29. Mengapa beliau menjadi pilihan Tuan Haji sebagai idola yang dikagumi?
30. Apakah prinsip hidup Haji Zaidy?
31. Apakah kenangan manis yang pernah dialami Haji Zaidy?
32. Apakah kenangan pahit yang pernah dialami Haji Zaidy?
33. Bila dan dimanakah Haji Zaidy mula bersekolah?
34. Adakah Haji Zaidy memasuki sekolah rendah dan menengah ditempat yang sama?
35. Bagaimanakah pembawaan diri Haji Zaidy pada ketika itu?
36. Adakah Haji Zaidy seorang yang aktif berpesatuan dan kokurikulum sewaktu zaman persekolahan Haji Zaidy?
37. Bagaimanakah pencapaian Haji Zaidy dari segi akademik dan kokurikulum semasa dalam zaman persekolahan?
38. Apakah pencapaian tertinggi (terbaik) yang pernah Haji Zaidy perolehi semasa peringkat sekolah?
39. Bagaimanakah keadaan, suasana, kemudahan persekolahan dan para guru pada ketika itu?
40. Apakah subjek yang disukai dan tidak disukai ketika itu. Mengapa?
41. Apakah jenis peperiksaan yang diambil pada masa itu?
42. Apakah pengalaman manis dan pahit yang dialami semasa zaman persekolahan Haji Zaidy?
43. Siapakah teman yang paling diingati pada masa itu?
44. Dimanakah Haji Zaidy menyambung pengajian setelah tamat peringkat menengah?
45. Apakah pencapaian terbaik yang pernah Haji Zaidy perolehi sepanjang pengajian diperingkat universiti?
46. Apakah rahsia kejayaan Haji Zaidy dalam bidang akademik sehingga mencapai tahap yang membanggakan?
47. Apakah pekerjaan awal Haji Zaidy selepas tamat pengajian?
48. Berapa lamakah Haji bekerja disitu?

49. Apakah sumbangan Haji Zaidy sepanjang berkhidmat disitu?
50. Apakah tujuan Haji Zaidy bekerja pada ketika itu?
51. Adakah Haji Zaidy mempunyai pengalaman dalam bidang perniagaan?
52. Apakah jenis perniagaan yang Haji Zaidy lakukan?
53. Bagaimanakah Haji Zaidy boleh berminat menceburi bidang politik?
54. Bolehkah Haji Zaidy ceritakan serba sedikit tentang penglibatan awal Haji Zaidy dalam bidang ini?
55. Apakah isu pertama yang timbul?
56. Bagaimanakah cara Haji Zaidy menyelesaikannya?
57. Sejak bilakah Haji Zaidy mula bergiat aktif dalam bidang politik?
58. Berapa lamakah Haji Zaidy berkecimpung dalam bidang politik?
59. Selain dari menjadi adun, adakah Haji Zaidy melibatkan diri dengan bidang lain. Apakah?
60. Siapakah yang menjadi pendorong untuk Haji Zaidy melibatkan diri dalam bidang politik?
61. Apakah keluarga Haji Zaidy menyokong penglibatan Haji Zaidy dalam bidang ini?
62. Apakah kemahiran yang diperlukan untuk menjadi adun yang berjaya?
63. Bagaimanakah Haji Zaidy mendekati diri dengan rakyat?
64. Adakah ada spesifik hari untuk Haji Zaidy bertemu rakyat?
65. Bagaimanakah Haji Zaidy memperolehi kepercayaan rakyat untuk mengundi?
66. Apakah pendapat Haji Zaidy terhadap perkembangan politik pada masa ini?
67. Apakah harapan Haji Zaidy akan perkembangan politik negara ini?
68. Apakah sumbangan yang Haji Zaidy untuk pembangunan kawasan?
69. Apakah sumbangan Haji Zaidy untuk membantu rakyat di kawasan ini?
70. Apakah cabaran yang paling hebat pernah Haji Zaidy tempuhi sepanjang menjadi adun?
71. Apakah antara masalah-masalah yang diterima oleh Haji Zaidy daripada rakyat?
72. Bagaimanakah Haji Zaidy menangani dan mengatasi masalah-masalah tersebut?
73. Bolehkah Haji Zaidy berkongsi pengalaman menjadi adun kawasan Taman Templer?

74. Saya pernah melihat video ceramah Haji Zaidy dalam youtube, boleh saya tahu adakah Haji Zaidy sering memberikan ceramah?
75. Dimanakah kebiasaannya ceramah diberi?
76. Apakah topik yang selalu dikongsi?
77. Kenapakah ceramah-ceramah ini diadakan?
78. Adakah dengan memberi ceramah-ceramah ini adalah cara Haji Zaidy mendekati diri dengan rakyat?
79. Adakah Haji Zaidy mempunyai laman sosial untuk berkongsi dengan rakyat mengenai Haji Zaidy?
80. Bagaimanakah cara rakyat menghubungi Haji Zaidy untuk mengadu masalah?
81. Bagaimana cara Haji Zaidy membantu rakyat?
82. Sumbangan tersebut datang daripada mana?
83. Saya ada membaca artikel berkaitan aspirasi Haji Zaidy untuk menarik minat anak muda, apakah program dan langkah yang Haji Zaidy lakukan untuk menarik minat mereka?
84. Adakah Haji Zaidy suka dengan apa yang Haji Zaidy lakukan sekarang?
85. Bilakah Haji Zaidy merancang untuk bersara?
86. Apakah perancangan Haji Zaidy selepas bersara?
87. Bolehkah Haji Zaidy menerangkan mengenai tujuh agenda untuk generasi muda bagi menjamin masa depan mereka yang lebih cemerlang yang Haji Zaidy terangkan dalam artikel Aspirasi Anak Muda?
88. Apakah harapan Haji Zaidy terhadap politik pada masa hadapan?

LAMPIRAN 4




UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA


Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan Zaidy Abdul Talib Pada 13 MEI 2015

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada sernua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat**: -
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari 25 JUNE 2015 (tarikh).
Dipersetujui pada 13 MEI 2015 oleh kedua pihak yang berkenaan.


.....
Pengkisah (Tokoh)


.....
Dr. Mohd Nasir Ismail,
Ketua Pusat Pengajian,
Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Kelantan.

LAMPIRAN 5

GAMBAR



Gambar 1 : Selepas sesi temuramah bersama Y.B. Tuan Zaidy



Gambar 2 : Y.B. Tuan Zaidy berceramah di Taman Selayang Indah



Gambar 3 : Y.B.Tuan Zaidy bersama Amal selayang



Gambar 4 : Y.B. Tuan Zaidy menyampaikan sumbangan bot dan enjin kepada nelayan



Gambar 5 : Y.B. Tuan Zaidy serah bantuan bekalan hasil padi Sg. Burong



Gambar 6 : Y.B. Tuan Zaidy ketika melawat pasar selayang

**Pejabat Timbalan Rektor
(Hal Ehwal Akademik)
Deputy Rector Office
(Academic Affairs)**

Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan
Bukit Ilmu 18500 Machang, Kelantan, Malaysia
Website : <http://www.kelantan.uitm.edu.my>
Tel : (09) 976 2266/976 2162 Faks : (09) 976 2156
Email : tpheakln@kelantan.uitm.edu.my



**UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA**

Tarikh : 24 Mac 2015
Surat Kami : 100-KK(HEA 30/7/2)

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan / Puan

PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KELANTAN

BIL	NAMA	NO. UiTM
1	NUR NABILA FARHANA BINTI KAMARRUDIN	2012903911
2	NORZAWANI BINTI ABD TALIB	2012319371

Adalah dimaklumkan bahawa penama-penama di atas merupakan pelajar dari **IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT (IM245)** , bahagian **5** yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan kursus yang mereka ikuti **ORAL DOCUMENTATION (IMR604)**.

2. Pihak kami mengharapkan kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan. Segala maklumat tersebut akan kami rahsiakan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ini adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan boleh menghubungi saudari **NUR NABILA FARHANA BINTI KAMARRUDIN** di talian **0132396974** .

3. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat yang diberikan.

Sekian terima kasih.

Yang benar,

IMRAN MOHAMED @ ISMAIL
Penolong Pendaftar (Hal Ehwal Akademik)
b/p TIMBALAN REKTOR AKADEMIK

INDEKS

A

Adun, 3, 5, 8, 34, 35, 37, 38, 39, 41, 47,
49, 51, 52, 57
Ahli, 5, 17, 18, 21, 23, 32, 33, 38, 45,
53, 59
Anugerah, 22, 23, 38

B

Bantuan, 27, 33, 38, 40, 41, 42, 43
Belajar, 13, 15, 16, 18, 21, 24, 25, 26,
28, 29, 30, 31, 41, 43, 44

C

Ceramah, 36, 37

E

Engineer, 11, 18, 20, 30

G

Guru, 10, 13, 15, 19, 21, 23, 25, 26, 27,
28, 52

J

Jawatan, 3, 16, 21, 22, 23, 32, 33
Join, 14

K

Kawasan, 5, 32, 33, 34, 36
Kenangan, 16, 29
Kerajaan, 3, 6, 20, 21, 33, 37, 38, 39,
43, 44, 45, 53, 59

L

Life, 15

P

Pelajar, 17, 23, 29, 39, 44, 52
Politik, 5, 15, 16, 17, 21, 31, 36, 44, 45,
47, 54
Program, 17, 20, 37, 38, 39, 40, 41, 42,
44, 53
Promote, 42, 45

R

Rakyat, 5, 6, 8, 21, 32, 33, 34, 37, 38,
39, 40, 41, 44, 45, 46

S

Sekolah, 3, 10, 11, 13, 18, 22, 23, 26,
27, 27, 38, 51, 52
Software, 19, 20
Start, 5
Still, 25, 26, 29
Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah, 8,
24, 51, 59
Syarikat, 19, 20, 21

T

Temubual, 46, 51, 55

U

Universiti, 3, 10, 13, 16, 17, 22, 23, 24,
25, 26, 27, 34, 40, 43, 52

W

Wakil, 5, 17, 21, 23, 33, 45, 46, 52



